

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL) LOKALITI KUALA LUMPUR BANDAR KINI BEROPERASI SEPENUHNYA DI KOMPLEKS KERAJAAN JALAN TUANKU ABDUL HALIM (KKJTAH)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Pejabat HASiL Lokaliti Kuala Lumpur Bandar yang beroperasi di Tingkat 3, 4, 6, 7, 10, 15 & 17, Menara Olympia, No.8, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur telah ditutup sepenuhnya dan kini beroperasi di lokasi baharu di Kompleks Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim (sebelum ini dikenali sebagai Kompleks Kerajaan Jalan Duta). Sebarang urusan surat-menyurat boleh dimajukan kepada alamat baharu seperti berikut:

### ALAMAT PEJABAT BAHARU

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
WP Kuala Lumpur  
Karung Berkunci 00010  
Pejabat Pos Besar  
50990 Kuala Lumpur

Pejabat HASiL Lokaliti Kuala Lumpur Bandar sebelum ini telah mengeluarkan hebahan penutupan melalui notis pemberitahuannya pada 29 Mac 2024 sebagai pemakluman awal bagi memudahkan urusan percukaian pembayar cukai di lokaliti berkenaan.

Sebagai alternatif pembayar cukai juga boleh berkunjung ke Pejabat HASiL di UTC Kuala Lumpur, Pudu Sentral atau mana-mana Pejabat HASiL yang berhampiran atau menggunakan e-Janji Temu menerusi Portal HASiL.

HASiL komited dan berusaha dalam memastikan tahap mutu perkhidmatan percukaian sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa sekali gus menjadi pemudahcara kepada para pembayar cukai dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara. Pembayar cukai juga digalakkan menggunakan perkhidmatan percukaian secara dalam talian menerusi gerbang Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 1 Jun 2024**